

## **PENGUMUMAN MEDIA**

### **PENUTUPAN PUSAT VAKSINASI COVID-19 DI PUSAT KESIHATAN BERAKAS**

**Khamis, 08 Ramadhan 1444H / 30 Mac 2023** – Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan bahawa **Pusat Vaksinasi COVID-19 di Pusat Kesihatan Berakas akan ditutup sepenuhnya mulai 10 Ramadhan 1444 bersamaan 1 April 2023.**

Orang ramai yang ingin mendapatkan suntikan COVID-19 bolehlah menghadirkan diri ke pusat-pusat kesihatan di kawasan tadahan masing-masing atau membuat perjanjian melalui aplikasi BruHealth. Walau bagaimanapun, bagi kanak-kanak yang berumur 5 tahun, mereka akan diberikan perjanjian suntikan COVID-19 melalui Klinik Kesihatan Anak (*Child Health Clinic*) mereka masing-masing.

Untuk makluman bersama juga, jarak diantara dos kedua atau ketiga dan dos penggalak (booster) vaksinasi COVID-19 adalah 6 bulan. Bagi individu yang telah mendapat jangkitan COVID-19, dos penggalak hanya dapat diberikan enam (6) bulan dari tarikh disahkan positif.

Bagi sebarang maklumat lanjut, orang ramai bolehlah melayari laman web Kementerian Kesihatan: [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau melalui media sosial rasmi Kementerian: @mohbrunei atau menghubungi Talian Darussalam 123.

**- T A M A T -**

**Tarikh:** 08 Ramadhan 1444H / 30 Mac 2023M  
**Rujukan:** KK/PR/3/1